

Dunia Islam Sekarang
Chedet.cc
25 Jun 2014
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Sebuah TV Arab telah bertanya kepada saya apakah pendapat saya berkenaan dengan Arab Spring atau musim bunga negara-negara Arab. Saya tidak hendak komen terhadap masalah negara lain kerana negara sendiri pun banyak masalah. Tetapi kerana ditermuramah TV mereka saya terpaksa jawab.

2. Mereka menjatuhkan Kerajaan kuku besi untuk digantikan dengan demokrasi. Pemimpin-pemimpin mereka berpendapat demokrasi akan selesaikan semua masalah dan kepincangan negara mereka.

3. Mereka percaya dengan hanya mengadakan pilihanraya maka pemerintah demokrasi akan tertubuh. Dengan harapan itu mereka membentuk parti-parti politik untuk menyertai pemilihan. Kerana ramai yang berminat untuk jadi Presiden maka banyaklah parti yang ditubuh. Masing-masing percaya merekalah yang akan menjadi permerintah.

4. Memang benar biasa terjadi satu daripada parti yang banyak mendapat lebih daripada setengah kerusi yang dipertandingkan dan dapat berdiri kerajaan. Tetapi biasanya apabila terdapat banyak parti, undi terbahagi antara mereka sehingga tidak ada satu pun yang melebihi 50 peratus.

5. Kerajaan minoriti didirikan. Tetapi kerajaan minoriti mudah dijatuhkan dengan undi tidak percaya.

6. Kerana kemungkinan ini parti-parti minoriti terpaksa bergantung sesama mereka untuk mendapatkan majoriti selepas pilihanraya. Tetapi gabungan seperti ini lemah kerana penarikan diri sebuah parti kecil pun boleh menjatuhkan kerajaan.

7. Cara yang terbaik ialah dengan mengadakan hanya dua buah parti. Mana-mana satu daripada mereka tetap mendapat lebih 50 peratus kerusi dan berhak mendirikan kerajaan terutama apabila jumlah kerusi yang dipertandingkan ganjil dan tidak genap.

8. Keputusan yang terbaik ialah apabila menang mendapat kelebihan yang tinggi. Jika kelebihan kerusi parti yang menang sedikit sahaja, kerajaan yang didirikan lemah dan mudah ditumbang. Pemerintahan negara tidak dapat dilaksanakan dengan mudah. Demokrasi tidak menjamin lebih pemenang yang tinggi dan kerajaan yang berwibawa.

9. Di Malaysia kita cantumkan parti-parti ke dalam satu parti campuran. Hanya satu calon sahaja yang diletak bagi tiap kawasan dan ia akan disokong oleh semua parti dalam gabungan. Dengan ini, kemenangan lebih terjamin. Parti-parti lain bertanding dengan meletakkan masing-masing calonnya sendiri. Mereka sebenarnya bukan sahaja bersaing dengan parti campuran tetapi juga sesama mereka. Calon parti yang mendapat sokongan hanya dari partinya sahaja sukar untuk melebihi parti campuran yang mendapat undi dari semua parti anggota. Dengan itu parti campuran mudah mendapat kemenangan besar.

10. Selepas ditubuhkan parti Semangat 46 yang ahlinya terdiri dari bekas ahli UMNO, pemimpin Semangat 46 berjaya menggabungkan parti-parti yang melawan parti campuran, supaya mereka juga menjadi parti campuran dan tidak berlawan sesama mereka. Mereka juga meletak satu calon bagi satu kawasan dan calon ini mendapat sokongan dari semua parti dalam kumpulan mereka. Tindakan mereka secara tidak langsung menghasilkan sistem dua parti di Malaysia. Dengan ini parti campuran yang menang mendapat cukup bilangan untuk mendiri Kerajaan.

11. Di negara Arab, semua pihak bersetuju berdemonstrasi untuk menjatuhkan Kerajaan kuku besi. Tetapi apabila jatuh Kerajaan, perpaduan antara pemberontak tamat dengan ditubuhnya parti-parti untuk bertanding dalam pilihanraya. Kemungkinan mana-mana parti mendapat majorit yang besar tipis.

12. Masalah kedua ialah masing-masing tidak sanggup menerima kekalahan, sedangkan dalam pertandingan tetap akan ada yang kalah. Tak mungkin semua menang. Apabila kalah, tuduhan dibuat bahawa parti yang menang menipu. Dengan itu, demonstrasi diadakan semula untuk menjatuhkan Kerajaan parti yang menang.

13. Demonstrasi besar-besaran dan lain-lain tindakan ganas menghalang pemerintah negara sehingga akhirnya Kerajaan jatuh, dan Kerajaan tentera kembali. Segala pengorbanan dan tidak stabilnya negara dan ekonomi kerana menjatuhkan Kerajaan kuku besi menjadi sia-sia.

14. Kesanggupan menerima kekalahan dalam pilihanraya adalah penting jika demokrasi hendak dijayakan. Inilah yang dilihat di negara maju dan demokratik. Yang kalah terima kekalahan dan terima kedudukan sebagai parti pembangkang. Mereka menunggu pilihanraya yang akan datang untuk bertanding sekali lagi. Mereka mungkin berjaya, mungkin tidak. Tetapi keputusan pilihanraya dihormati.

15. Yang menjadi masalah di negara-negara Arab ialah yang kalah tidak sanggup menerima kekalahan. Mereka tidak sanggup menunggu pilihanraya akan datang. Mereka menuduh pihak yang menang akan menipu lagi jika pilihanraya baru diadakan.

16. Memang ada kemungkinan penipuan berlaku dalam pilihanraya. Untuk mengelak dari ini, pasukan pemerhati dari negara asing yang tidak berkepentingan boleh ditugaskan untuk memerhati proses pilihanraya. Jika pemerhati berpuas hati, keputusan hendaklah diterima oleh semua pihak.

17. Sesungguhnya menjatuhkan Kerajaan pilihanraya rakyat adalah tidak demokratik. Jika negara Arab ingin menjadi demokratik, pilihan rakyat melalui undi mestilah dihormati.

18. Negara-negara Arab tidak pernah diperintah secara demokratik. Sistem mereka ialah raja atau pemimpin yang berkuasa penuh. Sebab itu sukar bagi mereka menerima hasil pilihanraya demokratik. Selagi mereka tidak sanggup kalah dalam pilihanraya selama itulah demokrasi tidak akan berjaya di negara mereka.

19. Demokrasi bukanlah cara yang mudah untuk diamalkan. Banyak lagi syarat yang perlu dilaksana sebelum demokrasi berjaya. Syarat yang terbesar ialah institusi pentadbiran yang ada mestilah terima pemerintahan parti yang menang.

20. Diwaktu pilihanraya anggota pemerintahan bebas untuk mengundi sesiapa sahaja. Tetapi setelah Kerajaan didirikan oleh parti yang menang, anggota pemerintahan hendaklah setia kepada Kerajaan pilihan rakyat.

21. Syarat ini dikenakan juga kepada pasukan polis dan tentera. Sebagai badan professional dalam menjalankan tugas, kesetiaan mereka adalah kepada kerajaan pilihan rakyat.

22. Perebutan kuasa oleh pasukan bersenjata kerana apapun akan menjadi negara bukan sahaja tidak demokratik tetapi juga tidak stabil. Pemerintahan ketenteraan tetap akan menjadi pemerintahan kukubesi. Rakyat tetap akan menderita.

23. Dalam dunia Islam sekarang tidak ada negara yang stabil yang diperintah secara demokrasi. Selagi tidak ada kesanggupan menerima kekalahan dalam pilihanraya selama itulah demokrasi tidak akan berjaya dalam dunia Islam.

22 Comments

1.  **HBT456**

July 1, 2014 at 6:13 PM | [Permalink](#)

<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/malaysia-wanted-all-charges-dropped-against-diplomat-in-nz-sexual-assault-c>

As Malaysian Government, instead of solving this problem with diplomacy, UMNO Baru prefers to go on denial again after Sulu invasion, then MH370. If go on like that, mungkin satu hari nasib Petronas Twin Tower sama dengan World Trade Tower.

2.  **hafizkenedelete**

June 28, 2014 at 2:57 AM | [Permalink](#)

Salam Tun ...

Salam warga chedet...

Baru nak terlelap, tetiba terbaca artikel bebal yang ditulis Ahso HBt ...

Wah, sekarang sudah pandai pulak engkau membetulkan bahasa orang lain kan Ahso? ?

Quote :- "Sibotak, jihad apa? Bahasa yang dipakai pun sudah salah. Jika macam ini, stay solo, dan ceraikan bini2mu yang berbagai kaum. If you think you are fighting for one religion, one race, stay in your own kampung. Ambiaga is right when she said isma is figthing an enemy that doesnt exist. "

jeng3.... semenjak dah ciom molot dgn tok guru tasauf musato songsang da makin menjadi2 perangai ahso ni...dulu nak ajar aku pasal iman, lepas tu nak ajar kita berbahasa pulak...aduiiyaii...

untuk renungan ahso... jihad itu maksudnya berjuang, perjuangan yg bersungguh2... tak semestinya jihad itu bermaksud perang atau melakukan perkara atau gerak geri yg

ganas...Itupun kalau si bodoh macam u paham bahasa yg I gunakan...please la ahso, jgn guna lutut or punggung u yg tak cebok itu untuk berfikir...use your filthy brain maaaa.....

jihad yang paling bagus ialah jihad melawan nafsu, saya ulangi, nagsu nafsu dan nafsu... orang tua, u faham meh apa itu nafsu?? sebab ada orang macam u tak boleh control nafsu sendiri, barulah selalu putar belitkan fakta orang lain untuk kepuasan nafsu you.. jangan sebab u baru google itu maksud jihad, u sudah fikir itu perkataan tak bagus atau tak sesuai... u ilmu cetek macam longkang belakang rumah I , sudah berani mau lecture orang lain...

perangai dan hati busuk u lebih teruk dari binatang 4 kaki... sekurang kurangnya itu binatang ialah binatang, tapi u orang cuba jadi binatang pulak, u sangat2 memalukan kaum cina, tadi siang I baru kenangis depan tv sebab ada orang nama Ong terkorban sebab mahu menyelamatkan melayu dari accident. .. So maknaya sangat ramai orang cina yg baik2, tapi perkara ini dirosakkan oleh binatang macam u dan lim kit siang...

Begitu juga dwngan tuan guru Musato yg bercerita pasal tasauf selalu... jangan la menyesatkan orang lain dengan perkara yg awak belajar sikit2 dari pembacaaan atau tok guru mengarut awak... jangan la ulas kalau tak tahu, baik teruskan dengan perbualan awak dengan tun..

Sama la Si Musato dan si HBT ni nak diumpamakan dengan Parti Agama dan Parti democratic bertindak tu... si bodoh bertemu si bodoh, minoriti bertemu minority, maka bergabung la mereka2 menjadi pakatan sibodoh...

sorang nak jadi cikgu tasauf, sorang nak jadi penganalisis politik... tapi dua2 tak sedar yg masing2 hanya ibarat badut dalam sarkas yg usang...

Yang paling best, kita kat Malaysia ni jadi huru hara sebab hari2 kene provoke ngan manusia2 jenis ni...Jadi saya harap , kita jgn la jadi sebebal mereka ni..biar mereka yang bebalbterus membebalkan diri mereka sendiri... lihatla Ahso, diludah anaknya kerana tak mampu nak bertahan lagi dengan beliau...

Sekian, terima kasih Tun..

Hilang ngantok mata aku..

P/s – Tun saya nak tanya, kat dlam Facebook ada page ‘kelab chedet’..

tu admin Tun kenai ka? setahu saya Tun bukan kaki jilat kerajaan, Tun hanya setuju kalau betul, kalau tak betul Tun hantam.. ini page tu dah jadi tukang jilat kerajaan pulak...pas tu duk post benda2 mengarut... baik suh dia tutup account tu dari imej tun tercalar..

3.



Hajar

June 27, 2014 at 11:55 AM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

Mohon izin Tun untuk memberi pandangan saya kepada Saudara 'Musato':

/// Musato, June 26, 2014 at 12:57 PM

"...*bila lawan management mungkin akan kena pecat. Tapi sebelum pecat pasti kena pressure... Bila seseorang memerlukan khidmat saya, satu perkara yang saya tak dapat beritahu pada orang adalah, saya juga expert dalam pentadbiran.*"

///

Komen saya: "Be your own boss". Ini yang telah saya lakukan. Kadangkala kerana kita makan gaji, bos atau orang atasan kita ingat yang kita kena sentiasa akur terhadap apa saja 'arahan/perintah' mereka yang ada kalanya bertentangan dengan prinsip kita dan juga ternyata salah dari segi etika/peraturan kerja. Kita akan diperlakukan seperti 'orang bodoh' yang terpaksa 'menurut perintah' yang kadang2 nampak teramat 'bodoh' dan dangkal. Tapi atas dasar kerja kadang2 kenalah juga ikut perintah yang 'bodoh' tersebut sebab sudah selalu sangat 'ingkar perintah'. Namun demikian, 'Management' tersebut tidak berani pecat saya kerana saya bukan buat perkara yang salah. Apa yang mereka lakukan ialah mengambil 'tindakan pengecut' dengan alasan mereka berkuasa untuk melakukan apa yang mereka lakukan. Silap2 haribulan saya akan ambil tindakan undang2 terhadap mereka.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***



4. **Hajar**

June 27, 2014 at 11:25 AM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

1. Nampaknya DS Najib @ Ah Jib Gor dengan bangganya membuat pengumuman nama2 baru bagi 2 ekor Panda – 'Xing Xing' & 'Liang Liang'. Mungkin beliau bangga kerana nama2 yang dipilih adalah nama2 Cina sebab beliau pun amat bangga dengan nama Cina beliau 'Ah Jib Gor'. Mungkin saya silap dengar bila beliau kata itu nama2 'Malaysian' untuk 2 ekor Panda. Sebagai orang Melayu Islam, saya amat terkilan kerana PM kita ternyata keliru. Mungkin beliau

ingat Malaysia ini sama dengan Tanah Besar Cina dengan majoriti penduduknya adalah berbangsa Cina. Mengapa 2 ekor Panda tersebut tidak diberi nama Melayu/Islam (majoriti penduduk)?

2. DSN @ Ah Jib Gor adalah contoh seorang umat Islam Melayu yang amat keliru dan tidak bangga dengan asal-usul beliau & ini lah salah satu sebab Melayu/Islam dipandang rendah oleh kaum2 lain di Malaysia. Beliau tidak ada jati diri Melayu/Islam.

3. Dengan perantikan 6 Menteri Cina yang baru, secara terus-terang DSN @ Ah Jib Gor memberi pengecualian kepada parti MCA dan Gerakan untuk turut menyumbang kepada kemenangan BN. KPI mereka lain. Jika tidak menang sejumlah kerusi yang sepatutnya dan tidak dapat menarik pengundi2 Cina untuk mengundi BN, mereka masih lagi boleh menyertai kabinet. Jadi, apa perlunya mereka berusaha untuk mendapat undi Cina? Jika begini caranya, saya yakin, pada PRU-14, MCA & Gerakan akan hilang lebih banyak kerusi kerana orang Melayu pun sudah tidak mahu lagi mengundi mereka.. Dari apa yang saya lihat dan dengar, sudah ramai Melayu yang meluat dengan DSN @ Ah Jib Gor yang masih lagi tidak sedar2 dari mimpi. Beliau masih lagi cuba membodek kaum Cina yang sudah terang-terangan menolak beliau pada PRU-13.

4. Sudah sampai masanya DSN @ Ah Jib Gor mengundur diri. Malaysia sebagai sebuah NEGARA ISLAM perlukan seorang PM yang kuat jati diri sebagai Melayu Islam, bukannya seorang yang lemah dan bersikap liberal seperti DSN @ Ah Jib Gor.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***

5.



mubarakchan

June 27, 2014 at 9:27 AM | [Permalink](#)

Tun

With excellent timing again you brought up the very important topic, 'World Islam Today'.

How appropriate to highlight the fact the the Muslim World and the Muslim Nations can exist with others in peace, harmony and prosperity. But as you rightly warned all of us time and again of smart, cunning and insidious acts by outsiders and insiders that our peace, harmony and prosperity are always under constant threats either due to jealousy or to control and conquer us

through their proxies for reasons best known to themselves or because of our strategic geo-political position which has now come into play within the aegis of the United States global re-balancing of her powers.

Forewarned is forearmed !

As soon as I got up this morning, two very appropriate headlines in the Channelnewsasia struck me.

1. PM LEE MEETS OBAMA, BIDEN IN WASHINGTON
2. SINGAPORE MANUFACTURING OUTPUT DOWN 2.5%.

First, as it was reported the Foreign Minister of Singapore was in Washington DC immediately after President Obama left Malaysia. It now transpires that Singapore is WORRIED THAT THE TPPA WAS NOT SIGNED IN KUALA LUMPUR which could be discerned many times in the news report. What was not reported we will never know ?

Slyly, Singapore put forth the idea that IT IS GOOD FOR THE UNITED STATES TO LAUNCH THE TPPA AS SOON AS POSSIBLE – USING THE UNITED STATES BATTERING RAM TO FORCE OPEN OUR MARKET !

My view is the TPPA is only good for the SUSTAINABILITY OF SINGAPORE'S SURVIVAL.

IN OTHER WORDS, BY NOT SIGNING OUR OWN DEATH WARRANT, MALAYSIA WILL ONE DAY IN THE SHORT OR MEDIUM TERM HAVE A BIG SAY OVER THE FUTURE OF SINGAPORE.

MNM, dont be small minded, the rocket scientist from Singapore, yusof12, saxykorma, the spineless worm etc. where are you ?

THE SECRET IS NOW OUT THAT THE VIRTUAL FAILED STATE OF SINGAPORE NEEDS THE TPPA VERY BADLY OR ELSE ITS SURVIVAL AND SUSTAINABILITY AS A NATION IS IN GRAVE JEOPARDY. And time is running out fast as shown in the PM Lee's urgently touching base with the Congress's East Asian Affairs Committees.

My personal suggestion to the great United States is why bother with the ANT RIDING THE DONKEY STRATEGY AS COOKED UP BY THE 1% FAILED ELITES OF SINGAPORE ? This strategy is a waste of time and money which was born out of desperation of a once fizzy Singapore down in the dumps at the turn of the 21st Century.

SINGAPORE WAS ONLY USEFUL IN THE COLD WAR 1948 -1989. Her 1% failed elites were caught with their pants down after the Cold War. Why cannot these folks be normal LIKE US MALAYSIANS ?

Why ? BECAUSE PAX AMERICA'S ' GLOBALIZATION, FREE TRADE, HUMAN RIGHTS.' ARE ANATHEMA TO THE TRADITIONAL COMMERCIAL AND SOCIAL PRACTICES OF SINGAPORE SINCE 1959 !

As a proven democratic Muslim Nation, our beloved Malaysia now thriving peacefully, harmoniously, with a measure of prosperity can contribute much to our World and be friends with all.

WE DO NOT NEED OUTSIDERS TO TELL US LIKE THE CONSTANT HECTORING AND BRAINWASHING FROM SINGAPORE AND ITS SPIES WHAT TO DO. BY IGNORING THEIR ADVICE WE HAVE DONE VERY WELL.. After 2003, we lost what was reported and do not know what was not reported. All our Prime Ministers are Malays who could administer FAIRLY THROUGH THE DECADES.

AND OUR BELOVED TUN IS A GREAT STATESMAN OF ASIA AND THE WORLD – A MALAY. It is across the Causeway THAT THE GOOD THINGS OF DEMOCRACY ARE TO BE FOUND WANTING. I invite those who do not believe this go and have a closer look without being brainwashed by the glittering citadels or wear pink eye-glasses.

As it is, MALAYSIA IS ALREADY DOING VERY WELL DEMOCRATICALLY AND IS MILES AHEAD OF STUMBLING SINGAPORE AS WE MOVE DEEPER INTO THE 21ST CENTURY. We will be a responsible and contributing World Citizen. No doubt about this even though THERE ARE VERY RICH AND DISAPPOINTED PERSONS WHO BENEFITTED ENTIRELY FROM THE BN GOVERNMENT SAY OTHERWISE OUTSIDE OUR SHORES !

What was not reported by the Channelnewsasia of the discussions between PM Lee and the US Vice-President is better left unsaid ? This cannot be to the advantage of our beloved Malaysia as has been shown time and time again in our loss of territories, money etc. in dealing with Singapore and the brilliant Lee Kuan Yew with his 18 failed Policies for Singapore through the decades. He did not even want to help us when we were down in 1997 ! But the Japanese did ! Beware of Singaporeans bearing gifts like the DAP ! And it is all over the Web, the the Government of Singapore legally channels the CPF Trust money at 2% interest for risky investment purposes ! A FRIEND IN NEED IS A FRIEND INDEED ! Hear us the great United States !

We are normal and hardworking, us Malaysians. The TPPA is a poisoned chalice concocted and created by Singapore in 2006 to enslave us through it proxies for her ultimate survival. No more. No less.

I SAY IT AGAIN THAT IF MALAYSIA DOES NOT SIGN THE TPPA, SHE HAS A BIG BIG SAY IN SINGAPORE'S DESTINY IN THE VERY NEAR FUTURE. It is as serious as this ! Don't be conned by the TPPA folks.

Again many thanks to the naive, hospitable and friendly New Straits Tiems. Streets Central Page 8. March 8 2014. Where spies meet ?

MALAYSIA BOLEH !

AS OUR DISTINGUISHED PRIME MINISTER DATO SERI NAJIB BIN TUN ABDULRAZAK HAS SAID THE TPPA IS GOOD FOR MALAYSIA AT THE RIGHT TIME. The time is not now ! We have to prepare ourselves for the forthcoming financial storm to come !



6. **sibotak**

June 27, 2014 at 9:14 AM | [Permalink](#)

Tun

Mould UMNO & its Leaders
Especially our Prime Minister

BE A SMILING TIGER THAT A ROARING CAT
Most of Them Speaks Aloud & Very Blunt
Cakap Champion tapi Sayang tak dapat masuk Final
..... BIAR LEBIH BUAT DARI CAKAP

U are a Smiling Tiger from Day 1 of yr Administration
Has made Malaysia & my Anak Tiri HBT very Proud
Thank U Tun



7. **sibotak**

June 27, 2014 at 8:56 AM | [Permalink](#)

Ummah ku , Islam ku , Saudara ku

TERBUKTI Sudah Jihad saya Menyatu Padukan Ummah Kita Bersama
ADALAH NYATA & AMAT BERKESAN daripada MELAWAN MUSUSH

Baru saja Saya Komen , HBT anak tiri saya jam 7.47 pagi
Sudah Balas balik , Panik & Kelihatan Goyang
Tak apa nanti saya suruh Mak Beliau Fahamkan
Beliau apa erti Jihad

Lucy HBT Sayang !

Plse on the Water Heater & Lets Mandi Hadas



8. **HBT456**

June 27, 2014 at 7:47 AM | [Permalink](#)

Sibotak, jihad apa? Bahasa yang dipakai pun sudah salah. Jika macam ini, stay solo, dan ceraikan bini2mu yang berbagai kaum. If you think you are fighting for one religion, one race, stay in your own kampung. Ambiaga is right when she said isma is figthing an enemy that doesnt exist. I m wondering, the members of isma and perkasa are retired civil servants that masih makan pencen kerajaan tanah melayu ke?



9. **sibotak**

June 27, 2014 at 2:26 AM | [Permalink](#)

INI JIHAD SAYA
MENYATU PADUKAN KELUARGA , SAUDARA , JIRAN , MASARAKAT
UMNO & PAS DARI BERSENGKETA , MEMPERIRATKAN LAGI SIRATULLRAHIM
UKHWAH SESAMA UMMAH DARI MELAWAN MUSUH

TIDAK AKAN BERJAYA MELAWAN MUSUH SEDANGKAN KITA BERSENGKETA
SESAMA

BERGITU JUGA DI TIMUR TENGAH JIKA SELURUH NEGARA ARAB BOLIH
BERSATU
TIDAK BERSENGKETA PIHAK MUSUH SEHEBAT MANA PUN AKAN GERUN & TAK
AKAN BERANI MENINDAS NEGARA ARAB

BEGITU JUGA JIKA UMNO PAS PKR BERSATU
INDONESIA MALAYSIA BRUNEI BERSATU , TIDAK BERTERLINGKAHAN
TAK AKAN BERANI DATUK atau CHIEF SEGALA JIN & SETAN
BOLIH BERJAYA MENINDAS KITA
MALAH TAK AKAN BERANI BERSUARA

INILAH KUNCI & SENJATA KITA SEBENARNYA
PERPADUAN BUKAN MELAWAN
BERGITU JUGA KITA BERKERLUARGA , JIKA ANAK ATAU ISTERI KITA
DIRACUNI OLIH JIRAN OLIH ANASIR LUAR
I JARUM DARI 1000 JARUM SUDAH CUKUP BOLIH MEMUSNAHKAN KELUARGA
KITA

KOMUNIKASI
KOMUNIKASI DI ANTARA KITA SEKELUARGA PERLU
KOMUNIKASI SESAMA RAKAN, JIRAN KITA SESAMA PERLU


BOLIHKAH MALAYSIA MENJADI MODEL DUNIA ISLAM
MARI KITA USAHAKAN

SETIAP PERBUATAN KITA PASTI ADA NIAT
NIAT BAIK DIPERCEPATKAN
NIAT JAHAT DILENGGAHKAN ATAU SEBAIK DIBUBAR

MARI KITA BERMULA DENGAN KELUARGA , JIRAN , MASARAKAT
DAN AMAT PENTING UMNO & PAS
DEMI KALIMAH DEMI UMMAH MARI KITA USAHAKAN

BIARLAH KITA TIDUR BERASINGAN NAMUN KITA MASIH MIMPI BERSAMA
DARIPADA KITA TIDUR BERSAMA TAPI MIMPI BERLAINAN

10.



azlan95

June 27, 2014 at 12:56 AM | [Permalink](#)

Current news headlines are focused on the ISIS-Iraqi affair. Well the media is using the situation in Iraq to divert attention.

Currently the true serious world affair is not the Iraqi, it is rather the Russian situation. Two serious, unexpected, actions taken upon the Russians. First an economic sanction by America, and then a separate sanction imposed by the EU.

It's mind boggling to think such actions can be taken against Russia. Those two sanctions made Russia look like a bunch of minnows, just like the tiny Malaysia. Anyway damage has been done.

So now we look at what Russia will do next. A giant like Russia cannot let itself being bullied.

Speaking of being bullied, before signing the TPP agreement I hope Malaysia's negotiators will not rush into signing it. The TPP is just an instrument to keep nations like Malaysia from freely trade with China, Russia, or any nation for that matter.

Will update on Russia vs USA/EU in future insha Allah.

Azlan

KL

11.



tebing tinggi

June 26, 2014 at 10:33 PM | [Permalink](#)

Dunia Islam sekarang,

Salam Tun,

Sungguh malang nasib dunia Islam dan Islam itu sendiri .

Persolanya kenapa jadi begitu ?, Islam sepatutnya memberi kekuatan kepada ummah bukan sebaliknya .

Kalau penganut Islam dan dunia Islam itu dilihat lemah ,apakah Islam itu tidak sempurna atau pemahaman tentang ajaran dan amalan oleh orang Islam itu yang luntur dan terpesong ?.

Saya percaya kepada sebab kedua.



12. **HBT456**

June 26, 2014 at 9:41 PM | [Permalink](#)

Both isma and perkasa must shut their mouths if they really love the country and the men. 911 and mh370 happened because of these ngo, asyik fitnah yang bukan2. Ibrahim ali tu bising apa? Rakyat kelantan pun tak nak dia, memalukan diri aja



13. **mubarakchan**

June 26, 2014 at 3:23 PM | [Permalink](#)

Tun

I see only few Islamic Nations with stability, peace and prosperity being Indonesia and Malaysia, Saudi Arabia, Jordan and the Gulf States, in a huge sea of turmoil amongst Islamic Nations in the whole World.

With the collapse of the Ottoman Empire in 1919, the rump of it was divided into separated States by Britain and France. A ruler was set-up in each State and democracy was NOT INTRODUCED THEN. They want to introduce democracy now.

Fast trek to World War 2 and the Cold War, some Arab States became ambivalent to Western interests and suffered for it during the Post-Cold War period. A few with visionless leaders were caught in the power vacuum during this New Order of Pax America and paid the price.

The complexity of today's politics in the Middle East is not because of the vast number of Islamic countries involved in the conflict between the incumbent and the anti-Government forces but the immense void of the understanding of the modern ways of governance through democracy as espoused by the West and the real political environment of a dictatorship which through corruption, deprives the populace of their needs.

But the present turmoil which came about in recent years became more complex. There are no simple answers whether it was accidentally or deliberately created. With the broad historical background of the rule of the Ottoman Empire for 400 years, the intentional deprivation of the Palestinians of the rightful lands, and millions of deprived and intelligent Arab peoples, we have a fertile land for uprisings which only needed a spark to set the whole scenario on fire – as it is now.

But, strange to say, I see the first glimmer of hope and the rise and rise of Islam from this terrible fray which seems to have no end. This present turmoil will have an ending when the backers of whoever the troublemakers are, runs out of cash and political will or inclination. History is a good arbiter of this – even though some Wars were purported to have lasted a hundred years ! However, for the time being due to the affected media all round, the Arab countries are portrayed at their worst. This cannot last. Each of us has an expiry date. Man proposes. God disposes.

It is impossible to eliminate the 1.3 Billion Muslim people in the World.

There are so many of the Muslims now residing in the West. Even in Switzerland, there is pressure to build more mosques. Because Islam is actually a strong, clean and compassionate religion, and the anti-Islamists always aggressively tried to put it down on the slightest excuse like the semantic conundrum in Malaysia today. These very acts of the anti-Islamists are a sign of their weakness now and to come.

The countries I mentioned, Indonesia and Malaysia and the Middle Eastern countries now at peace, harmony and prosperity are fine examples of how a country maybe administered fairly in the interests of all if THERE IS NO OUTSIDE INTERFERENCE OF ANY KIND. In the case of Malaysia for decades, outsiders have claimed they could manipulate, influence, maybe control some digits, cohorts, proxies etc to Washington DC.

But once the truth bears out, it is the end of the magic show of broken mirrors and thick smoke. The recent by-pass of Singapore by President Obama confirms.

Therefore, it pays and pays for us Malaysians, the Malays and the non-Malays to stand firm and united always to deter DOMESTIC AND FOREIGN TROUBLE MAKERS who deliberately with their huge funds to buy up proxies, to create trouble when we have no trouble but live in

STRATEGIC GEO-POLITICAL NATION WITH AN ENDURING PEACE, STABILITY AND PROSPERITY.

I consider this deliberate disturbance of our beloved Malaysia so built up through generations of hard-work as led by our beloved Tun and his predecessors, to be of extreme cruelty. We have built up the whole national edifice rationally and peacefully.

Why should THE JOHNNIES COME LATELY TELL US TO DESTROY OUR OWN WORK OF A LIFETIME AND CHANGE THE BN GOVERNMENT WHICH HAS SERVED US WELL FOR SO LONG ? To begin with the troublemakers use a screw driver of semantics to pry open and bring down the door to Putrajaya. Smart and cunning. IF THE JOHNNIES COME LATELY ARE HOLISTIC, THEN IT IS A DIFFERENT STORY. They are not even those from foreign lands.

And with another sign of external turmoil rising, which is the drop of 2.9% of the US GDP in the 1st quarter of 2014, it pays for all of us to stand firm AND IGNORE ALL CALLS TO CHANGE OUR BN GOVERNMENT.

WHO CAN BE A BETTER REPLACEMENT TO THE BN GOVERNMENT ? SINGAPORE and her TPPA ? Vide. The New Straits Times. Streets Supplement Page 8. March 8. 2014 says it all !

Malaysia with her Islamic majority like Indonesia and the Middle Eastern countries will rise and rise even though there are evil and cruel troublemakers ready to do them down for money.!

MALAYSIA BOLEH !

14.



Malaysia Bagus

June 26, 2014 at 2:04 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

saya petik kata hikmat dan persoalan yang hingga kini tak dapat dijawab oleh ekstremis Cina yang selalu menyalahkan kerajaan UMNO dalam semua hal kehidupan mereka :

“Dan dengan hanya undian 3persen dari kaum Cina apa yang mereka harapkan dari orang Melayu dan kerajaan? Kepercayaan yang sepenuhnya?” musato

@ <http://chedet.cc/?p=1399#comment-118352>

Begitupun, PM Najib masih mahu membodek dan boros berbelanja untuk kaum munafik ekstremis ini, tanpa menghirau implikasinya ke atas sokongan kaum Melayu dan Bumiputera yang telah memulangkan kerajaan kepada UMNO di saat 97% orang Cina memberi undi kepada DAPigs.

Apa-apa pun, kita perlu kembalikan suatu masyarakat Cina yang aman dan mempunyai jatidiri dan kesetiaan kepada Raja dan Negara. Majoriti mereka sekarang ini telah tertipu dengan janji-janji rasis DAPigs yang kuat menghasut hingga ada anak muda Cina yang berani menunjuk tanda jari lucah kepada DYMM Agong di Penang tidak lama dahulu. Mereka ini memberi indikasi bahawa mereka boleh menderhaka, treason, kepada negara pada bila-bila masa yang mereka suka tanpa berselindung lagi.

Dokumen sejarah membuktikan bahawa asal-usul DAPigs ialah gerombolan rasis, gangster, penyangak, pengedar candu, komunis dan anasir-anasir jahat. Malang sekali apabila orang Cina telah men-downgrade diri mereka untuk sertai puak ini sehingga mereka lupa diri dan semakin bongkak.

DUNIA ISLAM SEKARANG semakin kucar-kacir. Sudah pastinya, di dalam chaos itu ada jalan keluar yang baik dan jahat. Saya khuatir puak ekstremis seperti ISIS akan menjadikan orang Cina sebagai salah satu target penyembelihan mereka, memandangkan sikap kerajaan PRC terhadap minoriti Islam di Uighur, termasuklah sikap provokasi golongan Evangelista Cina di Malaysia yang sengaja menjolok sarang tebuhan untuk mencuri 'madu' nya ...



15. *musato*

June 26, 2014 at 12:57 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Betul HBT, bila lawan management mungkin akan kena pecat. Tapi sebelum pecat pasti kena pressure.

Walau saya tulis dalam blog politik, tapi saya expert dalam buat kek dan roti. Bila disebut chef, makanan yang dihidangkan perlu sedap dan pantas dihasilkan.

Masalah mula berlaku bila beberapa Executive chef terdahulu mahupun sekarang terlalu menaruh harapan dan percaya untuk saya melaksanakan tugas. Saya diambil khas sebagai team mate untuk beliau melaksanakan tugas baru (dikira kenaikan kerjaya beliau).

Bila seseorang memerlukan khidmat saya, satu perkara yang saya tak dapat beritahu pada orang adalah, saya juga expert dalam pentadbiran.

Ada perkara yang saya tak perlu selesaikan dalam hal pentadbiran (masalah) kerana ia melibatkan kehidupan individu yang memerlukan, karakter, tanggungjawab...maksudnya ada orang yang mencari duit lebih untuk kehidupan dengan bekerja keras (tapi tak efektif)

Saya bercakap pasal rakyat lapisan bawah.

Saya boleh settlekan masalah tersebut, tapi akibatnya tak berbaloi dan faedahnya pun tak seberapa....dan saya mengambil keputusan asalkan operation berjalan sudahlah.

Kesannya saya tidak dipercayai 100persen lagi oleh Executive chef yang mana sebetulnya dia memang hire pekerja yang tepat...seorang yang expert dalam mentadbir...mungkin cuma beliau tidak dapat mengagak tindakan saya.

Dan dengan hanya undian 3persen dari kaum Cina apa yang mereka harapkan dari orang Melayu dan kerajaan? Kepercayaan yang sepenuhnya?

Terima kasih Tun.



16.

musato

June 26, 2014 at 10:31 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Ye la kan HBT, demokrasi bermaksud pilihanraya, pilihanraya bermaksud undi, undi bermaksud pangkah dan pangkah bergantung pada siapa individu itu.

soalan : bagaimanakah tugas dan tanggungjawab kita terhadap pemerintah yang zalim dan menyeleweng?

Syeikh Sa'id Hawwa menjelaskan ;

1. Nasihat menasihati

- Menasihati jika mampu. Pendekatan berkasih sayang/ bergaul rapat dengan mereka.

2. Mendedahkan penyelewengan

- Mendedahkan dalam masa yang sama menasihati

3. Sistematis

- Mewujudkan organisasi yang tersusun.

4. Jihad

- Jihad lisan dan jihad pendidikan

5. Membantah

- Menyusun proses dengan tangan (bukan untuk berperang) bagi menghalang kemungkaran.

Rasulullah s.a.w berpesan ;

“Apakah kamu tidak mampu menggantikan seseorang yang telah aku lantik tetapi tidak melaksanakannya, dengan menggantikan tempat atau jawatannya dengan orang lain yang akan melaksanakan segala perintahku?”

Pada pandangan saya, hanya dengan jalan tasawuf dapat menawarkan perkara di atas.

Terima kasih Tun.



17. **HBT456**

June 26, 2014 at 6:42 AM | [Permalink](#)

Malaysia bagus, masalah dalam umno baru is personal. Dah terang lagi bersuluh.



18. **Malaysia Bagus**

June 25, 2014 at 6:25 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

DUNIA ISLAM SEKARANG berada dalam kucar-kacir. Orang di negara Islam paling banyak terlibat dalam peperangan dan saling membunuh sesama mereka. Ada sesuatu yang tak kena

dengan “kepercayaan atau agama” yang mereka anut itu. Pastinya, agama itu bukanlah Islam seperti yang diredai Allah dan tertera dalam al-Quran. Mana mungkin Allah dan Rasul-Nya reda melihat ummat Islam berpecah-kepala seperti yang ada sekarang.

Contoh terdekat, sikap orang Islam PAS yang ganas terhadap orang Islam UMNO dalam isu takfir bila kita bandingkan dengan sikap mereka yang lemah-lembut, toleransi dan membodek terhadap golongan Kristian Katholik, hatta sehinggakan pihak gereja mahu salahguna kalimah Allah untuk tujuan pemesongan aqidah pun, orang Islam PAS buat-buat tak tahu sahaja.

Tapi jangan dengan UMNO, orang Islam PAS langsung tak bagi muka! UMNO kena balun habis-habisan, andai tiada [Haron Din bertegas](#) menghalang pucuk pimpinan PAS dan PKR nescaya cita-cita pihak Evangelista untuk mensyirikkan kalimah Allah dalam gereja 3-tuhan-dalam-1 mereka sudah lama menjadi kenyataan.

Firman Allah di dalam al-Quran, “orang mukmin itu lemah-lembut sesama mereka, tapi tegas terhadap kafir”. Malangnya, kila lihat orang Islam PAS rasa lebih teruja untuk mengkafirkan orang Islam UMNO melalui amanat Hadi Awang.

Begitu juga di sebelah sini, kebiulan salah seorang pemimpin tertinggi UMNO, wakil Bagan Datoh, yang mencari fasal dengan secara lantang melabel orang Syiah sebagai kafir tanpa menimbang kesan implikasi dari cemuhan yang dia lemparkan itu terhadap keselamatan rakyat Islam Malaysia di peringkat antarabangsa. Malahan, baru-baru ini kita dikejutkan dengan bisik-bisik dari UMNO-Cheras yang mengatakan PM Najib turut sokong kaedah pengganas ISIS yang menceroboh Iraq.

Mulut-mulut celupar politikus jahil dari PAS dan UMNO, dan termasuk Evangelistas sewel DAP yang mencari publisiti murahan dengan menjual agama masing-masing bagi mengumpul penyokong untuk melestari cita-cita dan agenda politik persendirian tanpa memperduli keselamatan rakyat jelata haruslah dijahit dengan akta ISA dan dicampak ke dalam perigi buta.

Kita di Malaysia yang aman damai ini jangan pula terikut-ikut dengan Anwar Spring, eh Arab spring ... jangan sekali-kali kita bereksperimen dengan keselamatan rakyat dan kedaulatan negara dengan membenarkan demonstrasi jalanan yang lazimnya disertai lebih 97% orang Islam yang menjadi binatang tunggangan, maaf, kenderaan oleh 3% peserta kafir dengan agenda tersembunyi untuk menjatuhkan kerajaan Melayu Islam Malaysia.



June 25, 2014 at 6:21 PM | [Permalink](#)

Buat apa nak lawan management, musato? Jika lawan management, mesti kena pecat. Jika Kerajaan Malaysia melawan rakyatnya, pasti mereka akan dipecat pada masa yang akan datang.



20. **Hajar**

June 25, 2014 at 2:45 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

1. Saya amat2 bersetuju dengan pandangan dan saranan Tun dalam artikel ini mengenai demokrasi dan demonstrasi.
2. Di Malaysia pun semasa BN menang PRU-13, Pembangkang enggan menerima keputusan pilihhararaya; buat demonstrasi dan mengapi-apikan serta menghasut rakyat dengan tuduhan2 dan fitnah seperti 'BlackOut' dan 40K 'pengundi Bangla' yang diangkut oleh BN supaya memangkah BN (tuduhan yang tidak masuk akal). Nasib baiklah majoriti rakyat Malaysia tidak mudah dihasut.
3. Selepas melihat proses pemilihan dalam PKR dan DAP barulah saya faham mengapa mereka menuduh BN menipu dalam PRU-PRU yang lepas. Sebabnya mudah – mereka lah IBU segala PENIPUAN...dan sebab itulah mereka ingat orang lain pun kaki penipu dan kaki putar-belit seperti mereka. Mereka ada ketua yang memang boleh dinobat sebagai Ketua Penipu yang juga hebat bersandiwara.
4. Saya berasa amat pelik & hairan melihat kawan2 saya yang amat terpelajar yang menjadi penyokong tegar Pembangkang dan percaya bulat2 dengan penipuan2 Pembangkang. Saya cuma boleh geleng kepala.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***



21. **musato**

June 25, 2014 at 1:16 PM | [Permalink](#)

Hi HBT,

Saya letih kerja 8 pagi 12 malam. Takde masa sangat nak tulis, lagipun lupa nak bawak balik buku. Ingat nak copy tulis.

Sekarang kerja basuh plates and inserts...badan pun dah gatal gatal dah ni sebab berpeluh dalam panas panas...hukuman sebab lawan management. ABSENT pulak tu.

Kenapa kerajaan Malaysia tak macam tu ha?

Terima kasih Tun.

Kenapa kerajaan Malaysia



22. *Areen*

June 25, 2014 at 12:17 PM | [Permalink](#)

As Salam,

Tun Mahathir,

1. "Saya tidak hendak komen terhadap masalah negara lain kerana negara sendiri pun banyak masalah."
2. "Selagi tidak ada kesanggupan menerima kekalahan dalam pilihanraya selama itulah demokrasi tidak akan berjaya dalam dunia Islam."

Introduction & conclusion yang tepat 'dah terang lagi bersuluh'.

Source: <http://chedet.cc/?p=1399>